

## PERATURAN PERTANDINGAN BOLA SEPAK

### 1.0 NAMA KEJOHANAN

Pertandingan Bola Sepak Kejohanan UiTM *Lions League* 2023

### 2.0 TARIKH

Sepanjang bulan Mei hingga Jun 2023.

### 3.0 TEMPAT

Padang Kompleks Sukan, Padang DATC dan Padang Sintetik

### 4.0 YURAN PENYERTAAN

4.1 Yuran Penyertaan setiap pasukan adalah **RM 200.00**. (Satu pasukan)

### 5.0 PEMATUHAN PERATURAN

5.1 Kejujuran dan keikhlasan mematuhi semua Peraturan dan Undang-undang mengenai penyertaan di dalam kejohanan ini adalah menjadi tanggungjawab ke atas Pasukan, Pegawai dan Pemain.

5.2 Mana-mana Pasukan, Pegawai atau Pemain yang mengingkari mana-mana perkara di dalam peraturan ini akan dikenakan apa-apa tindakan yang ditetapkan oleh jawatankuasa pengelola yang mana keputusannya adalah muktamad.

### 6.0 PERATURAN AM

6.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan FAM dan Undang-undang Permainan Bolasepak yang disiarkan oleh Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA).

### 7.0 PENYERTAAN

Terbuka kepada semua pelajar yang belajar sepenuh dan staf di UiTM Shah Alam.

## 8.0 PENDAFTARAN PASUKAN, PEGAWAI DAN PEMAIN

8.1 Setiap pasukan boleh mendaftar satu (1) pasukan seperti berikut :-

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengurus Pasukan	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang
3	Fisioterapi & Jurulatih kecergasan	2 orang
4	Kitman	1 orang
5	Pemain	20 orang
JUMLAH		25 orang

### 8.2 Pemain

- 8.2.1 Hanya 20 orang pemain yang mana 2 daripadanya mestilah penjaga gol untuk pendaftaran pasukan dan pendaftaran perlawanan.
- 8.3.2 Hanya pelajar berdaftar di UiTM Shah Alam secara sepenuh masa dan juga Staf UiTM Shah Alam dibenarkan menyertai kejohanan ini.
- 8.2.3 Semua kelayakkan pemain akan disemak oleh Jawatankuasa Teknikal yang dilantik.

## 9.0 SISTEM PERTANDINGAN

Pertandingan akan dijalankan seperti berikut:

### 9.1 Pusingan Awal

- 9.1.1 Pusingan Awal akan dijalankan mengikut kumpulan.
- 9.1.2 Setiap kumpulan akan mempunyai sekurang-kurangnya 4 pasukan.
- 9.1.3 Johan & Naib Johan setiap kumpulan akan layak ke Pusingan Kedua.
- 9.1.4 Masa setiap perlawanan adalah selama (30 + 05 + 30) minit.

### 9.2 Pusingan Kedua

- 9.2.1 Pusingan Kedua akan dijalankan secara kalah mati (knock out) bermula dari peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir.
- 9.2.2 Sekiranya dalam tempoh perlawanan tersebut jaringan gol adalah seri, pemenang akan ditentukan melalui sepakan penalti sebanyak 5 kali.
- 9.2.3 Sekiranya masih seri lagi, pemenang akan ditentukan melalui sepakan penalti secara 'sudden death' tanpa had maksimum

## 10.0 MASA PERLAWANAN

- 10.1 Masa permainan ialah 30 minit bagi separuh masa pertama dan 30 minit bagi separuh masa kedua. Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi 05 minit kecuali dengan izin Pengadil.

## 11.0 PERTUKARAN PEMAIN

- 11.1 Setiap pasukan boleh membuat pertukaran pemain tidak melebihi 7 orang dalam sesuatu perlawanan.
- 11.2 Setiap pertukaran pemain hendaklah dibuat melalui pengadil keempat atau penjaga garisan.
- 11.3 Pemain yang telah ditukarkan tidak dibenarkan untuk bermain semula.
- 11.4 Pertukaran pemain di dalam Borang Pendaftaran Pasukan tidak dibenarkan sama sekali sepanjang kejohanan berlangsung.

## 12.0 UNDIAN

- 12.1 Undian akan dibuat semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.

## 13.0 KAD AMARAN & PERGADUHAN

- 13.1 Sistem pergantungan pemain adalah seperti berikut: -
  - 13.1.1 2 Kad Kuning – Gantung 1 perlawanan.
  - 13.1.2 1 Kad Merah – Gantung 1 perlawanan.
  - 13.1.3 1Kad Kuning&1Kad Merah (dalam satu perlawanan) – Gantung 2 perlawanan.
- 13.2 Pemain yang dibuang padang membabitkan kes pergaduhan akan digantung terus daripada menyertai kejohanan ini.
- 13.3 Sekiranya terdapat pergaduhan yang serius semasa sesuatu perlawanan, pasukan yang terlibat boleh digantung terus daripada menyertai kejohanan bergantung kepada keputusan pihak penganjur.

## 14.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN

- 14.1 Pasukan yang memohon membuat penundaan perlawanan haruslah mengeluarkan surat permohonan yang ditandatangani oleh Dekan/Timbangan Dekan/Pengetua serta dipersetujui oleh pengurus pasukan lawan. Surat permohonan tersebut hendaklah dihantar kepada urusetia 3 hari sebelum tarikh perlawanan. Permohonan surat yang lewat tidak akan diterima.
- 14.2 Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca, atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan dan perlawanan itu tidak dapat dimainkan, atau sekiranya sesuatu perlawanan dihentikan akibat hal-hal di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau dihentikan itu akan dilangsungkan pada tarikh, tempat dan masa yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.
- 14.3 Jika perlawanan itu terpaksa ditangguhkan lagi kerana sebab-sebab seperti di atas, maka tarikh, tempat dan masa baru perlawanan yang ditangguhkan itu akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan dan ketetapan adalah muktamad.
- 14.4 Sekiranya pengadil menghentikan perlawanan kerana tingkahlaku

penonton, pegawai atau pemain satu (1) pasukan yang tidak memuaskan, maka Jawatankuasa Pengelola Pertandingan boleh mengambil keputusan-keputusan berikut:

- 14.4.1 Kemenangan diberi kepada pasukan yang lain dengan tiga (3) mata dan jaringan gol 3 – 0 atau jaringan semasa perlawanan dihentikan, jika ianya lebih
- 14.4.2 Denda
- 14.4.3 Penyingkiran daripada keseluruhan kejohanan atau musim-musim berikutnya.
- 14.5 Jika perlawanan diberhentikan sebelum separuh masa pertama seluruh permainan akan dimainkan semula.
- 14.6 Sekiranya perlawanan dihentikan sebelum 50 minit dalam separuh masa kedua permainan akan dimainkan semula dengan kedudukan separuh masa pertama diambil kira.
- 14.7 Dan sekiranya perlawanan diberhentikan selepas 50 minit, permainan dikira tamat dan keputusan dikekalkan.

## **15.0 BILANGAN PERMAIN YANG MENCUKUPI**

- 15.1 Sekiranya kurang dari sembilan (9) orang pemain dari salah satu pasukan turun ke padang apabila pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka pasukan yang mempunyai sembilan (9) orang pemain atau lebih di padang hendaklah di beri kemenangan percuma dengan jaringan gol 3 – 0.
- 15.2 Jika kedua-dua pasukan tidak dapat menurunkan sembilan (9) orang pemain atau lebih apabila pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka pengadil hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada Jawatankuasa Pengelola Pertandingan yang akan mengambil tindakan yang difikirkan perlu.

## **16.0 TARIK DIRI ATAU GAGAL BERMAIN**

- 16.1 Sekiranya mana-mana pasukan menarik diri selepas melayakkan diri ke mana-mana pertandingan, tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pasukan tersebut itu oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.
- 16.2 Sekiranya mana-mana pasukan mengugut menarik diri atau menarik diri dari pertandingan selepas penyertaan ditutup dan sebelum pertandingan bermula tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Jawatankuasa Pengelola Pertandingan maka pasukan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 300.00 dan boleh digantung daripada menyertai pada musim atau beberapa musim berikutnya.
- 16.3 Sekiranya sesebuah pasukan tidak melaporkan diri untuk sesuatu perlawanan, kecuali hal bencana alam dan sebab-sebabnya kemudian diterima oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan, atau jika pasukan tersebut enggan meneruskan permainan atau meninggalkan padang sebelum tamat perlawanan, maka Jawatankuasa Pengelola Pertandingan akan mengambil tindakan seperti tersebut dalam para 15.4.
- 16.4 Mana-mana pegawai atau pemain yang terbukti telah membantu

atau bersubahat melakukan apa-apa kesalahan adalah bersalah kerana khianat dan boleh dikenakan penggantungan atau denda ataupun kedua-duanya sekali.

### **17.0 KELEWATAN**

- 17.1 Senarai nama pemain hendaklah diserahkan kepada urusetia bertugas 20 minit sebelum masa perlawanan bermula.
- 17.2 Hanya 15 minit akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

### **18.0 PAKAIAN**

- 18.1 Setiap pasukan diwajibkan untuk memiliki 2 set jersi yang berlainan warna. 2 set jersi tersebut hendaklah dibawa pada setiap perlawanan.
- 18.2 Sekiranya terdapat jersi yang sama didalam sesuatu perlawanan, pasukan yang namanya disebut dahulu (mengikut jadual) hendaklah menukar warna jersi.
- 18.3 Setiap jersi juga diwajibkan untuk mempunyai nombor di depan & di belakang baju.
- 18.4 Pemakaian stokin panjang, shin pad dan kasut bola adalah diwajibkan pada setiap pemain.
- 18.5 Pemakaian barang kemas termasuk jam tangan juga dilarang sama sekali semasa berada di dalam padang.
- 18.6 Pemain yang tidak mematuhi peraturan pemakaian semasa bermain dilarang sama sekali untuk memasuki padang.

### **19.0 BANTAHAN**

- 19.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis yang ditandatangani oleh Pengurus Pasukan yang berdaftar disertakan Wang Bantahan sebanyak RM 300.00 dan beserta bukti dalam masa 15 minit selepas tamat perlawanan.
- 19.2 Wang Bantahan tidak akan dikembalikan semula sekiranya bantahan tersebut tidak diterima.
- 19.3 Sekiranya bantahan diterima hanya RM 200.00 sahaja akan dikembalikan
- 19.4 Bantahan terhadap keputusan pengadil adalah tidak dibenarkan.

### **20.0 HAL-HAL YANG TIDAK DINYATAKAN**

- 21.1 Peraturan-peraturan diatas hendaklah dipatuhi melainkan ada dinyatakan berlainan dalam peraturan permainan tertentu.
- 21.2 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan ini akan Diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad.